




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **94 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **52,268 kes**. Satu (1) kes kematian direkodkan pada hari ini iaitu di daerah Sandakan. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Pada hari ini, seramai 21 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 50,735 orang. Pada hari ini juga sejumlah 771 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 307 orang di hospital, 454 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 10 orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 43 orang dan 13 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kunak bertukar dari zon jingga ke zon kuning.

4 Pada hari ini, **satu (1) kluster** baharu dilaporkan.

Kluster Mawar di daerah Sandakan, mencatatkan 15 kes positif COVID-19 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 15 kes. Kes indeks dikesan hasil saringan bergejala di klinik swasta pada 22 Februari 2021. Saringan kontak rapat terhadap 14 orang yang terdiri daripada ahli keluarga kes indeks, disahkan positif RTK Ag. Siasatan mendapati penularan jangkitan terjadi semasa menghadiri majlis makan malam sempena sambutan perayaan Tahun Baru Cina pada 12.2.2021 di kediaman sendiri.

5 Daripada 94 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 33 kes (35.1%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala lapan (8) kes (8.5%), saringan kluster baharu dan sedia ada 32 kes (34.1%), PERKESO lapan (8) kes (8.5%) dan 13 kes (13.8%) adalah dari lain-lain kategori.

- 6 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 sebanyak 785 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 3,913 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara pula 1,000 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 5,698 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 13.53%.

B SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Selari dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi seluruh Negeri Sabah kecuali di lokaliti-lokaliti di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), Kerajaan Negeri Sabah bersetuju untuk membenarkan operasi-operasi seperti di bawah untuk dilaksanakan berkuatkuasa pada **23 Februari 2021 sehingga 04 Mac 2021**.

1 Kawalan Pergerakan

- a** Kemasukan individu ke negeri Sabah adalah **TIDAK DIBENARKAN** kecuali bagi
 - i Warganegara yang berasal dari Negeri Sabah;
 - ii Suami / isteri kepada rakyat Sabah dan tanggungan; dan
 - iii Pemegang Pas-pas Jangka Panjang Imigresen Malaysia (Negeri Sabah) yang sah tempoh iaitu bagi warganegara bukan berasal dari Sabah dan bukan warganegara yang menjalankan perkhidmatan perlu (*essential services*).

- b** Semua **individu yang masuk ke Sabah** melalui pintu masuk udara, laut dan darat perlu menjalani ujian **RT-PCR** atau **RTK-Ag** COVID-19 dalam tempoh 1-3 hari sebelum perjalanan. Hanya individu yang tidak bergejala dengan keputusan ujian negatif akan dibenarkan masuk ke Sabah.

- c** Hanya individu yang menjalankan perkhidmatan perlu (*essential services*), kes kecemasan dan perubatan **DIBENARKAN** keluar dari negeri Sabah dengan kebenaran PDRM tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:
- i** Individu dari Sabah ke Semenanjung perlu menjalani ujian **RT-PCR** atau **RTK-Ag** COVID- 19 dalam tempoh tiga (3) hari sebelum berlepas dari Sabah (berdasarkan ketetapan oleh KKM);
 - ii** Individu dari Sabah ke Sarawak perlu menjalani ujian **RT-PCR** COVID-19 dalam tempoh tiga (3) hari sebelum berlepas dari Sabah (berdasarkan ketetapan oleh Kerajaan Negeri Sarawak);
 - iii** Individu dari Sabah ke Labuan perlu menjalani ujian **RT-PCR** atau **RTK-Ag** COVID-19 dalam tempoh tiga (3) hari sebelum memasuki Labuan (berdasarkan ketetapan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana W.P. Labuan); dan
 - iv** Hanya individu yang tidak bergejala dengan keputusan ujian negatif akan dibenarkan untuk meneruskan perjalanan.

2 Kawalan Pergerakan Di Laut

- a** Pergerakan keluar bot-bot kecil dari pulau-pulau di negeri Sabah ke tanah besar termasuk pergerakan bot-bot di kawasan pesisiran pantai hanya **DIBENARKAN** mulai jam 6.00 pagi hingga 2.00 petang sahaja dengan **kapasiti 50% penumpang**.
- b** Pergerakan bot-bot nelayan di perairan ESSZONE yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan **DIBENARKAN** dari jam 6.00 pagi hingga 6.00 petang (hanya di jeti-jeti yang dibenarkan sahaja). Kebenaran ini tertakluk kepada permit yang dikeluarkan oleh Ketua Polis Daerah berkenaan.

- c Pergerakan kapal-kapal berikut adalah **TIDAK DIBENARKAN** iaitu:
- i Semua kapal *Non-Convention Ships* (NCS) Indonesia dan Filipina yang memasuki perairan ESSZONE, Sabah, Malaysia dan semua Kapal NCS Malaysia dari perairan ESSZONE ke Filipina dan Indonesia;
 - ii Kapal pengangkut ikan Indonesia ke Tawau; dan
 - iii Kapal NCS dari Filipina yang melalui perairan Sabah untuk ke W.P Labuan.
 - iv Laluan keluar masuk rentas negeri dan daerah **ditutup dan dikawal** kemasukan oleh PDRM.
 - v **Pelajar dan calon yang menduduki peperiksaan SPM, STPM, STAM, SPVM, SKM, peperiksaan IPTA, peperiksaan antarabangsa dan yang setara tahun 2020 dan 2021 DIBENARKAN hadir ke sekolah/institusi dan DIBENARKAN merentasi daerah** mengikut takwim persekolahan/institusi yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) / Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan dokumen pengesahan daripada KPM / KPT dan pergerakan pergi dan balik ke sekolah/institusi boleh ditemani oleh seorang penjaga.

3 **Kapasiti Penumpang Dalam Kenderaan Persendirian:**

- a **TIADA HAD** dalam kenderaan persendirian bagi orang yang keluar daripada rumah yang sama **TETAPI** hendaklah mengikut kapasiti tempat duduk kenderaan tersebut.
- b Individu yang berisiko tinggi dan kanak-kanak **TIDAK DIGALAKKAN** keluar ke kawasan awam, terbuka dan sesak.
- c Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Parlimen **DIBENARKAN** merentas daerah dan negeri masing-masing dalam tempoh PKPB dengan tujuan urusan rasmi atau melawat kawasan.

- d Kolej matrikulasi **DIBENARKAN** dalam tempoh PKPB. Pelajar yang berada di sekolah berasrama / universiti / institusi **DIBENARKAN** untuk berada di sekolah berasrama / universiti / institusi tersebut dan meneruskan pembelajaran secara hibrid.
- e Peperiksaan antarabangsa dan badan profesional serta aktiviti penyelidikan yang memerlukan kemudahan makmal di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) **DIBENARKAN** mengikut SOP IPT berkenaan dan pergerakan perlu disertai dengan pengesahan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) atau IPT berkaitan.
- f Pergerakan pensyarah/guru/tenaga pengajar bagi tujuan Pengajaran dan Pembelajaran kelas-kelas yang terlibat dalam peperiksaan **DIBENARKAN** dengan pengesahan daripada KPM dan KPT.
- g Pergerakan bagi kemasukan pelajar-pelajar ke asrama bagi kelas-kelas peperiksaan yang ditetapkan oleh KPM dan KPT adalah **DIBENARKAN** dengan pengesahan daripada KPM dan KPT.
- h Pelajar yang berkeperluan perlu mendapatkan surat kebenaran pergerakan daripada IPT berkenaan bagi merentas negeri atau daerah untuk pulang ke kampus.
- i Pergerakan merentas daerah adalah **TIDAK DIBENARKAN** kecuali bagi
- i **kes kecemasan** seperti kematian atau bencana alam.
 - ii Pergerakan merentas daerah bagi tujuan pergi dan balik dari tempat kerja atau menjalankan urusan rasmi adalah **DIBENARKAN** dengan syarat **menunjukkan pas kerja** atau **surat kebenaran daripada majikan**.

- iii Kenderaan perdagangan yang membawa barangan **DIBENARKAN** bergerak merentas daerah dengan pemakaian pelitup muka. Bilangan orang yang dibenarkan di dalam kenderaan ini bergantung kepada lesen pendaftaran kenderaan perdagangan tersebut.
- iv Perkhidmatan pengangkutan awam merentas daerah seperti bas ekspres **TIDAK DIBENARKAN beroperasi.**
- v Perkhidmatan pengangkutan awam dalam daerah yang sama adalah **DIBENARKAN** dari jam 5.00 pagi hingga 12.00 malam dengan pematuhan penjarakan fizikal di dalam kenderaan tersebut serta pemakaian pelitup muka seperti berikut:
- vi Perkhidmatan bas henti-henti dan bas sekolah dalam daerah dengan **kapasiti 50% penumpang;**
- vii Perkhidmatan teksi / *e-hailing* dalam daerah (**maksimum hanya 2 penumpang**)

4 Aktiviti Dalam Kawasan PKPB

- a Aktiviti sektor ekonomi dan industri perkilangan / pembuatan di kawasan PKPB berjalan seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan dengan pematuhan SOP yang telah ditetapkan.
- b Pasar Raya, Pusat Beli belah, *Retail Store* dan kedai runcit **DIBENARKAN** beroperasi mengikut SOP yang ditetapkan antara 6.00 pagi hingga 12.00 malam.
- c Penjualan peluru senapang patah (*shotgun*) untuk tujuan penjagaan kebun kepada pemilik berlesen adalah **DIBENARKAN** dengan kelulusan oleh PDRM.

- d Restoran, café, kedai makan, gerai makan, kenderaan bersaji (*food truck*), penjaja, medan selera, kedai serbaneka, perkhidmatan penghantaran (*delivery*) makanan, pembelian makanan secara bawa pulang (*take away*) dan pandu lalu (*drive thru*) **DIBENARKAN** beroperasi antara 6.00 pagi hingga 12.00 malam dengan pematuhan SOP Sektor Makanan (Perniagaan Berpremis, Penjaja Tanpa Premis, Pasar Berbangunan dan Peruncitan/Serbaneka Makanan & Minuman).
- e *Dine in* **DIBENARKAN** di restoran termasuk restoran dalam premis hotel, kedai / gerai makan, *coffee shop* dan medan selera dengan penjarakan fizikal 1 meter antara pelanggan mengikut kapasiti saiz meja.
- f Operasi pasar-pasar adalah **DIBENARKAN** seperti berikut:
 - i Pasar Harian : 6.00 pagi hingga 6.00 petang
 - ii Pasar Malam : 5.00 petang hingga 10.00 malam
 - iii Pasar Tamu : 6.00 pagi hingga 2.00 petang
 - iv Pasar Tani : 6.00 pagi hingga 2.00 petang
 - v Pasar Borong: 12.01 pagi hingga 2.00 petang
 - vi Operasi pasar-pasar tersebut hendaklah dengan pematuhan SOP dan pengawasan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
- g Operasi kedai nombor ramalan yang dilesenkan di bawah Kementerian Kewangan adalah **DIBENARKAN** berdasarkan waktu operasi seperti berikut:
 - i Hari Cabutan : 8.00 pagi hingga 7.00 malam
 - ii Hari Tanpa Cabutan : 8.00 pagi hingga 6.00 petang
- h Operasi mesin slot yang dilesenkan di bawah Kementerian Kewangan adalah **DIBENARKAN** bermula dari jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam.

5 Operasi lain-lain perniagaan yang DIBENARKAN beroperasi bermula dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 malam

- a Stesen minyak termasuk kedai serbaneka di stesen minyak **DIBENARKAN** beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 malam.
- b Kedai dobi **DIBENARKAN** beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 malam. Kedai dobi layan diri perlu memastikan pekerja berada di premis bagi mengawal bilangan pelanggan dengan mematuhi SOP yang ditetapkan.
- c Kedai gunting rambut / salun, facial, perkhidmatan spa, refleksologi,urut dan *wellness* **DIBENARKAN** beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 malam. Pengusaha / pemilik perlu mengikuti SOP seperti berikut:
 - i Wajib memakai pelitup muka (*face mask*) dan pelindung muka (*face shield*);
 - ii Memakai apron (perlu ditukar untuk setiap pelanggan baharu);
 - iii Memakai sarung tangan (perlu ditukar untuk setiap pelanggan baharu); dan
 - iv Gunting dan sikat dibersihkan menggunakan air panas (bagi kedai gunting rambut dan salun).
- d Pusat cuci kenderaan **DIBENARKAN** beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 malam dengan memastikan pematuhan SOP sedia ada.

6 Perkhidmatan Perubatan / Kesihatan

- a Klinik dan hospital Kerajaan / swasta **DIBENARKAN** beroperasi secara 24 jam atau mengikut waktu yang ditetapkan oleh Kerajaan.
- b Farmasi dan kedai menjual ubat-ubatan beroperasi mulai 6.00 pagi hingga 12.00 malam.

7 Aktiviti Pekerjaan

- a Pergerakan keluar / masuk merentas daerah bagi urusan tugas rasmi kerajaan (*official duty*) adalah **DIBENARKAN**.
- b Pergerakan kenderaan jabatan Kerajaan atau syarikat swasta adalah **DIBENARKAN** bergantung kepada kapasiti tempat duduk kenderaan tersebut dengan pematuhan SOP.

8 Aktiviti Sukan dan Rekreasi

- a Aktiviti sukan dan rekreasi yang tidak bersentuhan fizikal (indoor dan outdoor) dan dijalankan secara individu tidak melebihi 10 orang dalam satu-satu masa seperti berjalan, jogging, berbasikal, senam robik sendiri, hiking, golf, badminton & tenis (single/double/mixed double) dan seumpamanya di dalam daerah/kawasan yang sama adalah **DIBENARKAN** dengan mematuhi SOP Sektor Sukan dan Rekreasi.
- b Latihan fizikal yang tidak bersentuhan adalah **DIBENARKAN** bagi acara-acara berpasukan seperti bola sepak, hoki dan seumpamanya tetapi terhad kepada maksimum 25 orang dalam satu-satu masa.
- c Kebenaran beroperasi dan menggunakan fasiliti sukan oleh orang awam adalah **TERHAD** bagi aktiviti yang tidak melibatkan sentuhan fizikal dan maksimum 25 orang dalam satu-satu masa. Setiap pengusaha dan operator sukan perlu menjadualkan pelaksanaan aktiviti sekiranya terdapat ramai peserta dengan menghadkan jumlah tidak melebihi 25 orang pada satu-satu masa.
- d Aktiviti kolam (terhad kepada latihan renang dan terjun yang tidak bersentuhan), rekreasi laut dan sungai iaitu scuba diving, snorkelling dan memancing adalah **DIBENARKAN** dengan kapasiti 50%.
 - i Muatan penumpang bagi bot yang membawa individu untuk aktiviti rekreasi laut adalah dihadkan kepada 50% dan mematuhi SOP yang ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah.

- ii Program latihan berpusat yang sedia ada dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negeri Sabah **DIBENARKAN** beroperasi secara “*Quarantine Base Approach*” dengan mematuhi SOP yang disediakan oleh Kementerian Belia dan Sukan Sabah.
- iii Taman Awam **DIBENARKAN** untuk dibuka dengan mematuhi SOP Sektor Sukan dan Rekreasi.

9 Aktiviti Sektor Pertanian, Perikanan, Penternakan dan Perladangan Komoditi

Sektor Pertanian, Perikanan, Penternakan, dan Perladangan Komoditi **DIBENARKAN** beroperasi tertakluk kepada arahan kawalan pergerakan di laut dan arahan-arahan lain yang berkuatkuasa.

10 Aktiviti Keagamaan

- a Aktiviti di masjid dan surau **DIBENARKAN** tertakluk kepada ketetapanoleh Pihak Berkuasa Agama Negeri Sabah.
- b Aktiviti di rumah ibadat bukan Islam **DIBENARKAN** dengan had maksimum kehadiran ialah seramai 1/3 daripada kapasiti rumah ibadat dengan memastikan penjarakan fizikal serta mematuhi SOP Rumah Ibadat Bukan Islam yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat, Sabah.
- c Upacara pernikahan (akad nikah) dan majlis perkahwinan Islam **DIBENARKAN** dengan kehadiran had maksima 20 orang sahaja berdasarkan keluasan ruang danpenjarakan fizikal atau tertakluk kepada jumlah yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri Sabah
- d Upacara perkahwinan dan keagamaan bukan Islam **DIBENARKAN** dengan kehadiran had maksima 20 orang berdasarkan keluasan ruang dan penjarakan fizikal di Jabatan Pendaftaran Negara / Rumah Ibadat / Persatuan Agama Bukan Islam.

11 Aktiviti Pelancongandan Kebudayaan

- a Hotel dan penginapan sahaja **DIBENARKAN** beroperasi termasuk operasi yang berikut:
 - i Restoran di dalam hotel dan penginapan dengan tempat duduk separuh (50%) daripada kapasiti;
 - ii Bilik mesyuarat dan bilik seminar tertakluk kepada 50% kapasiti daripada had ruang bilik; dan
 - iii Kolam renang tertakluk kepada kapasiti tidak melebihi lima (5) orang pengguna pada satu-satu masa.

12 Tadika, Taska, Pusat Jagaan Kanak-kanak dan Kelas-kelas

- a Tadika, taska dan pusat jagaan kanak-kanak yang berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Negeri Sabah dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar **DIBENARKAN** beroperasi dengan pematuhan SOP yang ditetapkan
- b Kelas tuisyen, kelas muzik, kelas tarian, kelas seni, kelas mengaji berbayar, kelas bahasa berbayar dan sebagainya **DIBENARKAN** beroperasi dengan tidak melebihi lima (5) orang dalam satu-satu masa serta tertakluk kepada saiz ruang dengan penjarakan fizikal.

13 Mesyuarat

Mesyuarat secara bersemuka bagi urusan rasmi/kerja yang diadakan di pejabat, hotel dan lain-lain institusi adalah **DIBENARKAN** dengan mematuhi penjarakan fizikal, mewajibkan pemakaian pelitup muka dan tertakluk kepada 50% kapasiti daripada had ruang bilik.

14 Seminar / Bengkel / Persidangan / Pameran

- a Semua Seminar / Bengkel / Kursus / Latihan / Persidangan / Pameran **DIBENARKAN** beroperasi tertakluk kepada 50% kapasiti daripada had ruang bilik dengan mematuhi penjarakan fizikal, mewajibkan pemakaian pelitup muka dan berdasarkan SOP Am Pelaksanaan Majlis Rasmi Kerajaan dan Swasta.
- b Latihan dalam perkhidmatan yang sedang berjalan **BOLEH DILAKSANAKAN** hanya dalam kawasan institusi latihan sahaja.

C SENARAI AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN (*NEGATIVE LIST*)

Di bawah PKPB Kerajaan Negeri Sabah bersetuju untuk tidak membenarkan operasi aktiviti-aktiviti seperti berikut

1 Aktiviti Hiburan

- a Aktiviti di kelab malam atau pub
- b Aktiviti di panggung wayang.
- c Aktiviti konsert atau acara langsung dengan kehadiran penonton.
- d Aktiviti di pusat karaoke keluarga dan pusat permainan arked.

2 Pendidikan

- a Institut Pengajian Tinggi Awam & Swasta, Institut Latihan Kemahiran, pusat tahfiz, dan sekolah adalah **TERTAKLUK** kepada arahan untuk beroperasi oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- b **PENGEQUALIAN:** Pelajar sekolah, IPTA, IPTS yang mengambil ujian atau peperiksaan dengan institusi luar negara adalah **DIBENARKAN** untuk hadir menduduki peperiksaan sahaja dan bukan untuk sesi pembelajaran.

3 Aktiviti Sukan danRekreasi

- a Aktiviti berkelah, aktiviti bersentuhan fizikal / sukan tempur, aktiviti perlawanan bagi sukanberpasukan dan aktiviti penganjuran kejohanan / pertandingan.
- b Aktiviti sukan, rekreasi dan riadah yang melibatkan penglibatan yang ramai dan sukar dikawal penjarakan fizikal.
- C Acara dan pertandingan sukan dengan kehadiran penonton dan acara dan pertandingan sukan yang melibatkan pesertadari luar negara.

4 MICE (*Meetings, Incentives, Conventions andExhibitions*)

Aktiviti acara perniagaan (*business events*) berkaitan mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran.

5 Penganjuran MajlisKeramaian

Majlis Rasmi dan Tidak Rasmi Kerajaan dan Swasta, Majlis Sosial seperti kenduri- kendara, pertunangan, resepsi, majlis aqiqah, doa selamat, tahlil, sambutan ulang tahun, sambutan hari kelahiran, *reunion*, *retreat* dan lain-lain majlis sosial.

6 Lain-lain Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

Apa-apa aktiviti yang boleh menyebabkan ramai orang hadir di suatu tempat sehingga menyukarkan penjarakan fizikal dan pematuhan kepada arahan Ketua Pengarah Kesihatan.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sehingga 23 Februari 2021, sejumlah **162,732** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan dibawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 43 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 34,990 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 17 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, tiada tangkapan dibuat namun 34 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 58 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang melibatkan sebanyak 237 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 137 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Pada hari ini, dua (2) tangkapan dibuat di bawah Enakman Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah 2002.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan rondaan pemantauan pematuhan SOP peringkat komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) telah dilaksanakan di 516 lokasi melibatkan seramai 166 anggota APM dan 136 anggota RELA.
- 4 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di lapan (8) premis, melibatkan dua (2) buah daerah iaitu daerah Kuala Penyu dan Semporna.
- 5 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 111 lokasi melibatkan 16 daerah. Hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris dan pelbagai bahasa etnik Sabah.
- 6 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 331 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **93.3%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	94%
2	Penampang	94%
3	Beaufort	94%
4	Kota Marudu	94%
5	Semporna	94%
6	Ranau	94%
7	Tenom	93.5%
8	Papar	93.5%
9	Beluran	93.5%
10	Tuaran	93%
11	Kunak	93%
12	Kota Belud	93%
13	Kudat	93%
14	Keningau	93%
15	Kinabatangan	93%
16	Sandakan	92%
17	Tawau	92%
18	Lahad Datu	92%
19	Kota Kinabalu	92.5%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
23 Februari 2021**